

30 JUL 2001

Mahathir-Minoriti

PARTI SUKU KAUM KECIL TIDAK DIPINGGIRKAN, KATA PM

KOTA KINABALU, 30 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini semua parti dalam Barisan Nasional (BN) termasuk yang mewakili suku kaum minoriti di Sabah menerima layanan yang sama rata.

Katanya tidak ada parti yang dipinggirkan sungguhpun ia mewakili kumpulan minoriti malah ia tetap diberi peluang memegang jawatan dalam kerajaan sama ada di peringkat negeri atau persekutuan.

Menurutnya, semua parti komponen BN termasuk yang mewakili kaum minoriti mempunyai bilangan perwakilan yang sama banyak dalam Dewan Tertinggi BN.

"Ini bagi menentukan supaya suara semua kaum walaupun kecil dapat didengari dalam perbincangan parti," kata Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN ketika merasmikan Kongres Parti Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) kali ketujuh di sini.

Yang turut hadir pada kongres itu ialah Presiden UPKO Tan Sri Bernard Dompok yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dan Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat.

Perdana Menteri berkata kerajaan menyedari pentingnya parti-parti politik sedemikian kerana ia mewakili semua golongan masyarakat dalam negara ini.

"Parti dari suku kaum kecil mempunyai pengaruh apabila ia memperjuangkan kepentingannya," kata Dr Mahathir.

Bagaimanapun, beliau turut mengingatkan semua parti komponen BN bahawa tidak semua tuntutan yang dikemukakan oleh mereka akan dapat ditunaikan oleh kerajaan.

"Sekiranya ada parti yang berpuas hati sepenuhnya dengan kerajaan, ini bermakna layanan kepada parti tersebut agak keterlaluan sehingga parti lain tidak dapat mendapat layanan yang sewajarnya," kata Dr Mahathir.

Menurutnya, kerajaan tidak mahu hanya satu parti sahaja yang mendapat keistimewaan untuk kaumnya sehingga boleh menimbulkan perasaan curiga antara kaum.

Sementara itu ketika bercakap kepada pemberita selepas perasmian kongres itu, Perdana Menteri berkata kerajaan akan memberi perhatian yang lebih kepada keperluan kumpulan minoriti dalam kategori Bumiputera.

"Memang sewajarnya masyarakat minoriti itu diberi perhatian yang lebih terutamanya yang tinggal di pedalaman," kata Dr Mahathir.

Di samping itu, katanya, kerajaan juga sedang memberi lebih perhatian kepada tahap kemajuan kumpulan-kumpulan kecil di kalangan Bumiputera, katanya.

Beliau berkata tidak ada peruntukan secara khusus untuk suku kaum minoriti itu kerana mereka akan memperolehiya mengikut peruntukan yang diberikan oleh kerajaan kepada Bumiputera.

"Mereka masih terletak di bawah Bumiputera tetapi kita akan memberi lebih banyak perhatian sekarang berbanding dengan dahulu. Kita selama ini memikirkan tentang Bumiputera tanpa memikirkan sangat tentang pembahagiannya dalam kumpulan-kumpulan yang kecil," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

HAK NMO